

## Konsep Ucapan “Selamat” Dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris Dan Bahasa Thai

Siti Noridayu Abd.Nasir<sup>1\*</sup>, Hazlina Abdul Halim<sup>2</sup>, Sharil Nizam Sha’ri<sup>1</sup> dan Norizan Che Su<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

### ABSTRAK

Ucapan “selamat” merupakan kata-kata penting yang diucapkan sebagai tanda hormat dan kemesraan berbentuk sapaan kepada orang lain. Malahan, ucapan “selamat” dapat merujuk pada waktu ucapan diberikan. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini bertujuan membandingkan tujuan penggunaan ucapan “selamat” dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai. Kemudian, kajian ini dijalankan bertujuan melihat perbandingan yang wujud dari aspek gender dalam ucapan “selamat”. Selain itu, kajian ini dapat memperlihatkan lagi perbezaan dan persamaan lain yang wujud dalam penggunaan ucapan “selamat” bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai. Rentetan itu, kajian ini mengaplikasikan teori yang dipelopori Oleh Robert Lado (1957), iaitu Teori Analisis Konstrastif. Teori AK begitu sinonim dalam analisis aspek perbezaan dan persamaan yang wujud dalam beberapa bahasa, iaitu melebihi penggunaan satu bahasa. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya perbezaan dari segi gender, waktu dan penggunaan lebih daripada satu ucapan. Adalah diharapkan kajian yang dijalankan ini dapat menjelaskan perbezaan dan persamaan yang wujud dalam ucapan “selamat” bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai. Malahan, dapat menjadi perintis untuk kajian akan datang yang berkaitan dengan perbandingan bahasa.

**Kata kunci:** ucapan “selamat”, perbandingan bahasa, Teori Robert Lado (Analisis Konstrastif), bahasa Melayu, Inggeris dan Thai, aspek gender.

### *Greetings of “Good” Concept in Malay Language, English and Thai.*

#### INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

[noridayu87\\_nasir@yahoo.com](mailto:noridayu87_nasir@yahoo.com) (Siti Noridayu Abd.Nasir)

[hazlina\\_ah@upm.edu.my](mailto:hazlina_ah@upm.edu.my) (Hazlina Abdul Halim)

[sharil@upm.edu.my](mailto:sharil@upm.edu.my) (Sharil Nizam Sha’ri)

[zan@upm.edu.my](mailto:zan@upm.edu.my) (Norizan Che Su)

\*Penulis penghubung

#### ABSTRACT

*Wishing of “good” is important words to wish as a respects and intimacy in greetings concept to the others people. Even, the wishing of “good” refer to the time and situation using the greetings. Therefore, the research aims to compare used wishing “good” in Malay language, English and Thai. Then, the research aims to compare gender aspects using in wishing of “good”.*

*Besides, the research aims to showed another comparison and equations using wishing "good" in Malay language, English and Thai. That string, the research apply of theory by Robert Lado (1957), that is theory of Constrictive Analysis. The theory of Constrictive Analysis is relevant used in research related comparison language including differences and similarities more than one language. The findings of research showed it exists differences in gender aspects, time and use of one language in wishing of "good". Is expected, the research can explain differences and similarities it exists in wishing of "good" in Malay language, English and Thai. Even, can be a pioneer for the future research related comparison language.*

*Keywords: wishing of "good", comparative language, Theory of Robert Lado (Constrictive Analysis), Malay Language, English and Thai, gender aspects.*

---

## **PENGENALAN**

Ucapan "selamat" merupakan kalimat yang penting untuk menyampaikan ucapan ramah kepada orang lain. Malahan, ucapan "selamat" diungkapkan mengikut masa seperti pagi, tengah hari, petang dan malam. Selain itu, ucapan "selamat" menunjukkan keperluan sesuatu peristiwa seperti ucapan hari lahir, mengharapkan kejayaan dan lain-lain lagi. Oleh itu, ucapan "selamat" dapat diklasifikasikan sebagai ucapan yang bermakna, positif dan mengungkapkan sesuatu perkara yang membawa kebaikan. Malahan, bagi mereka yang menganuti agama Islam, ucapan "selamat" merupakan doa yang memohon sesuatu perkara yang baik.

Kepentingan ucapan "selamat" menunjukkan keramahan dan bertujuan membina hubungan sesama manusia. Walaupun, terdapat individu yang tidak mengenali antara satu sama lain, namun begitu ucapan "selamat" dapat membina sesuatu hubungan secara tidak langsung untuk memulakan perkenalan. Selain itu, ucapan "selamat" digunakan setiap hari bagi individu yang saling mengenali untuk mengeratkan lagi perhubungan sesama manusia dalam kelompok yang sama mahupun berbeza.

Penggunaan ucapan "selamat" yang digunakan dalam Bahasa Thai lazimnya digunakan untuk mengucapkan sapaan apabila bertemu seseorang. Malahan, penggunaan ucapan "selamat" di negara Thai digunakan sebagai permulaan perbualan, pertanyaan dan percakapan sebelum melakukan sesuatu urusan yang menggunakan komunikasi lisan. Oleh yang demikian, kedudukan Thailand yang bersempadan dengan Malaysia melalui negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan mempengaruhi aspek penggunaan ucapan "selamat".

Hal ini berlaku dalam urusan yang melibatkan komunikasi lisan di pejabat imigresen negara Malaysia mahupun Thailand. Oleh yang demikian, penggunaan ucapan "selamat" dilihat penting dalam memulakan perbualan bagi menunjukkan rasa hormat sesama manusia. Malahan, hubungan yang melibatkan dua negara yang berbeza budaya dan bahasa memerlukan komunikasi berkesan untuk memudahkan urusan sama ada rasmi atau tidak rasmi.

Penguasaan bahasa asing seperti bahasa Thai memerlukan masa yang lama untuk dikuasai oleh seseorang. Walau bagaimanapun, sapaan hormat dapat digunakan kepada orang lain untuk menunjukkan kesantunan dalam menghormati bahasa dan budaya bangsa tersebut. Hal ini terutamanya, apabila kita tidak mampu menguasai bahasa asing lain yang bersempadan dengan sesebuah negara seperti bahasa Thai. Pengetahuan ucapan

“selamat” dalam bahasa Thai atau Melayu dapat mengambil hati masyarakat dalam negara tersebut untuk berhubung dan berkomunikasi.

Malahan, kepentingan ucapan “selamat” begitu sensitif kepada orang yang beragama Islam. Lazimnya, ucapan “selamat” bukan sahaja menggambarkan tentang sesuatu yang baik dan positif tetapi menunjukkan doa yang perlu diungkapkan untuk kebaikan. Hal ini kerana, doa merupakan sesuatu ungkapan yang diucapkan untuk meminta perkara yang mendatangkan kebaikan oleh seorang manusia yang menganuti agama Islam.

Oleh itu, ungkapan ucapan “selamat” akan dianalisis dengan membandingkan tiga bahasa. Kajian ini menggunakan analisis konstruktif Robert Lado dalam perbandingan bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai. Maka, kajian ini akan diperjelas dengan lebih lanjut lagi dalam topik dapatan kajian.

## SOROTAN KAJIAN

Kajian lepas merupakan sandaran awal bagi menjalankan sesuatu kajian baharu. Oleh yang demikian, sorotan kajian lepas ini akan membincangkan aspek perbandingan bahasa dan penggunaan Teori Analisis Konstrastif (Robert Lado) yang diaplikasikan oleh penyelidik lepas. Hal ini kerana, kajian berkaitan tersebut adalah signifikan dengan kajian yang dijalankan ini. Kajian kertas kerja yang dijalankan oleh Siti Noridayu *et. al.* (2018) tentang peranan wanita Melayu Patani dan Kelantan dalam ekonomi juga bahasa telah dijalankan di Arked Niaga, Padang Besar (Perlis) pada 23 Jun 2018. Selain itu, kajian ini juga dijalankan di Pasar Besar Siti Khadijah, Kelantan pada 5 Februari 2018. Malahan, kajian ini menekankan peranan dalam ekonomi yang didominasi kaum wanita Patani dan Thailand di dua lokasi tersebut. Malahan, hasil dapatan kajian menunjukkan wanita Melayu Patani mempunyai fungsi utama dalam pengekalan dan penyebaran bahasa. Kebolehan berbahasa asing yang baik oleh wanita Melayu Patani dalam bahasa Thai memudahkan urusan perniagaan yang dijalankan oleh mereka. Hal ini kerana, barang modal kebanyakannya didatangkan daripada negara Thailand yang mementingkan bahasa ibunda dalam sebarang urusan.

Mohammad Baihaqi Hasni dan Farah Hanan Aminallah (2017) menjalankan kajian tentang analisis konstrastif yang melibatkan gender dalam bahasa Arab (*beginner*) dan Melayu. Kajian ini melibatkan 30 orang pelajar yang mengambil bidang kejuruteraan di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Hasil dapatan kajian mendapati penggunaan lexis gender dalam kosa kata bahasa Arab agak mudah tetapi pelajar menjadi sukar apabila bahasa Arab sangat memperincikan setiap kalimah. Selain itu, kesalahan menentukan gender pada الجماد yang tertinggi diikuti oleh النسان dan الحيوان. Manakala kesalahan pada المكان berkisar pada 15 orang dan النبات mencatatkan kesalahan paling sedikit, iaitu 10 orang. Tambahan lagi, pelajar bergantung kepada penterjemahan bertujuan mengenali dan memahami lexis gender dalam bahasa Arab. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu banyak dipengaruhi dengan budaya dan bahasa masyarakat Arab tetapi bahasa Melayu mempunyai gaya penstrukturan ayat tersendiri. Namun begitu, bahasa Melayu adakalanya memberikan kesan dalam proses pembelajaran bahasa kedua atau asing.

Chong Peng Hwa, Toh Ling Ling dan Maisarah Binti Noorezam (2016) telah menjalankan kajian tentang perbandingan sebutan suku kata bahasa Mandarin dan bahasa Melayu dalam sistem fonetik. Oleh yang demikian, secara perbandingan senarai suku

kata antara bahasa Mandarin dengan bahasa Melayu, terdapat suku kata yang sama dan juga berbeza. Selain itu, hasil analisis menunjukkan terdapat perbandingan sebanyak 405 suku kata bahasa Mandarin yang menjadi masalah kepada penutur bukan berbangsa Cina. Malahan, kajian ini berasaskan perbandingan suku kata antara kedua-dua bahasa ibunda masing-masing untuk mencari perbezaan suku kata dalam sistem fonetik. Sebutan suku kata yang sama bagi kedua-dua bahasa direkod dan dikaji menerusi analisis komputer (gelombang bunyi) untuk melihat pola suara suku kata yang dibentuk.

Hazlina Abdul Halim, Normaliza Abdul Rahim dan Roslina Mamat (2015) telah menjalankan kajian perbandingan dalam penggunaan perkataan “semua tujuan” dalam pembelajaran bahasa Melayu dan bahasa Perancis. Oleh itu, kajian ini telah melibatkan seramai 15 orang pelajar bagi mendapatkan data kajian ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar berbangsa Melayu yang mengambil subjek bahasa Perancis menggunakan strategi penggunaan perkataan “semua tujuan” pada artikel yang melibatkan penggunaan kata nama, kata kerja, posesif dan preposisi. Kemudian, bagi pelajar Perancis yang mengambil subjek bahasa Melayu pula mereka lebih cenderung menggunakan strategi ini pada imbuhan, kata nama dan kata jamak.

Seterusnya, Mariyati Haji Mohd Nor *et. al.* (2015) menjalankan kajian tentang Analisis Konstrastif pembentukan kata adjektif dalam bahasa Melayu dan bahasa Sepanyol. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti bentuk kata adjektif bahasa Melayu dan bahasa Sepanyol. Kemudian, kajian ini bertujuan menganalisis persamaan dan perbezaan yang wujud dalam kedua-dua bahasa. Hasil dapatan kajian mendapati wujudnya persamaan dan perbezaan dalam kedua-dua bahasa. Persamaan pembentukan kata adjektif, iaitu bentuk tunggal, terbitan dan perbandingan kecuali bentuk majmuk dan ganda kerana tidak wujud dalam bahasa Sepanyol. Bahasa Melayu menunjukkan tidak mempunyai unsur genus dalam pembentukan kata adjektif. Antara ayat yang menjadi data adalah yang berkaitan ayat tunggal yang menggunakan kata penguat dan kata bantu. Contohnya, sebuah rumah besar (bahasa Melayu) dan *Una casa grande* (bahasa Sepanyol).

Mohammad Fadzeli Jaafar *et.al.* (2015) menjalankan kajian tentang bahasa sempadan Malaysia-Thailand (pengekalan atau peralihan). Kajian ini melibatkan seramai 202 penutur yang mewakili penduduk di sempadan di Rantau Panjang dan Golok. Hasil kajian menunjukkan wujudnya penutur yang lebih dominan menggunakan dialek Kelantan dalam komunikasi. Malahan, di Golok penduduk memilih untuk menggunakan dialek Melayu Pattani berbanding penggunaan bahasa Thai. Hal ini kerana, pengaruh budaya, politik dan bahasa memainkan peranan penting dalam penggunaan bahasa di sempadan.

Oleh yang demikian, kajian lepas yang dijalankan signifikan dengan kajian yang dijalankan ini untuk mengkaji perbandingan bahasa yang wujud dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Thai. Rentetan itu, kajian yang dijalankan ini bersandarkan kajian perbandingan bahasa lepas yang menggunakan teori oleh Robert Lado, iaitu Analisis Konstrastif.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian analisis konstrastif yang dijalankan ini menggunakan model struktural yang dikemukakan oleh Robert Lado (1957). Maka, model ini menjadi sandaran dalam perbandingan ucapan “selamat” bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai. Oleh

yang demikian, Robert Lado memberikan beberapa langkah dan prosedur untuk mengaplikasikan analisis kontrastif bagi kajian yang dijalankan, iaitu:

Langkah pertama: Tempatkan satu deskripsi struktural yang terbaik tentang bahasa berkaitan. Deskripsi ini harus melibatkan aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Selain itu, dekripsi ini perlu mencakup bentuk, makna dan distribusi (Mariyati Haji Mohd Nor *et.al.*, 2015: 2).

Langkah kedua: Rangkum dalam satu kajian semua struktur, ini bermakna seorang penyelidik perlu merangkum semua kemungkinan pada setiap tataran analisis bahasa yang dikaji dan dibandingkan (Mariyati Haji Mohd Nor *et.al.*, 2015: 2).

Langkah ketiga: Bandingkan dua bahasa itu struktur demi struktur dan pola demi pola. Melalui perbandingan setiap struktur dan pola dalam dua sistem bahasa tersebut penyelidik dapat menemukan masalah dalam pembelajaran bahasa (Mariyati Haji Mohd Nor *et.al.*, 2015: 2).

Kajian Analisis Kontrastif ucapan “selamat” bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai melibatkan langkah-langkah berikut:

- i. Huraian mengenai ucapan “selamat” bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai.
- ii. Analisis persamaan dan perbezaan antara tiga bahasa tersebut.
- iii. Merumuskan hasil kajian perbezaan dan persamaan yang wujud antara tiga bahasa.

Oleh itu, menurut model ini maka unit-unit bahasa dihuraikan secara satu persatu mengikut sistem dan strukturnya (Mariyati Haji Mohd Nor *et.al.*, 2015: 3). Oleh yang demikian, struktur konsep ucapan "selamat" dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Thai akan dihuraikan dengan melihat strukturnya dan fungsi penggunaan. Selain itu, huraian yang dibuat tersebut dapat memperlihatkan sistem kedua-dua bahasa secara jelas dan memudahkan perbandingan secara sistematik dijalankan (Mariyati Haji Mohd Nor *et.al.*, 2015: 3). Hal ini kerana, melalui huraian konsep ucapan “selamat” akan memperlihatkan dan memperjelas aspek perbezaan mahupun persamaan yang wujud dalam ketiga-tiga bahasa tersebut.

## **DAPATAN KAJIAN**

Perbandingan antara bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai dijalankan untuk melihat sejauh manakah perbezaan yang wujud dalam ketiga-tiga bahasa tersebut. Antara faktor pemilihan perbandingan bahasa adalah kedudukan kepentingan penggunaan bahasa tersebut kepada penutur di Malaysia. Hal ini kerana, kedudukan dan kepentingan bahasa Melayu di Malaysia yang telah digazetkan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa utama yang digunakan untuk tujuan komunikasi dalam bentuk lisan atau tulisan. Manakala bahasa Inggeris penting sebagai bahasa pengantar utama dunia yang merupakan bahasa komunikasi untuk semua manusia di dunia dalam pelbagai

urusan.

Oleh itu, perbandingan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dibandingkan pula dengan bahasa Thai. Pemilihan bahasa Thai berdasarkan kedudukannya di sempadan Malaysia. Hal ini kerana, penggunaan bahasa Thai begitu penting dalam urusan rakyat Malaysia yang berurusan dengan rakyat Thai. Bermula daripada pintu sempadan hingga melibatkan urusan keluarga, rasmi dan jual beli yang memerlukan penggunaan bahasa sebagai ucapan sapaan.

Oleh yang demikian, hasil kajian ini dianalisis berdasarkan lapan ucapan “selamat” yang sering digunakan untuk menunjukkan masa, keadaan dan kemesraan. Perbandingan bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai dilihat daripada aspek tujuan penggunaan, perbezaan penutur mengikut gender (jika wujud) dan hukum bahasa yang digunakan dalam ucapan “selamat”. Malahan kajian dapat memperlihatkan terdapatnya perbezaan mahupun persamaan lain dalam tiga bahasa ini.

### Selamat Sejahtera

Ungkapan ucapan “selamat sejahtera” bertujuan mengucapkan tanda hormat kepada orang yang dikenali dan tidak dikenali. Penggunaannya menunjukkan tanda kemesraan sesama manusia walaupun tidak pernah mengenali orang tersebut. Jadual 1 menunjukkan perkataan ucapan “selamat” yang digunakan dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai.

JADUAL 1

Ucapan “selamat sejahtera” dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai.

Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Thai
Selamat sejahtera/ salam sejahtera	Hello	สวัสดี (sawàt di:) Norizan Che Su (2009:7)

Penutur utama bahasa Melayu merupakan orang Melayu yang hampir keseluruhannya beragama Islam di Malaysia. Hal ini kerana, undang-undang di Malaysia membolehkan seseorang menganuti agama yang ingin dipilih setelah usia melebihi 18 tahun. Maka, bangsa hanya menunjukkan kaum dan tidak menunjukkan agama yang dianuti oleh seseorang. Oleh itu, ucapan “selamat sejahtera” wujud dalam dua perkataan. Ucapan “salam sejahtera” juga sama dengan ucapan “selamat sejahtera”. Bagaimanapun, penggunaan perkataan “salam” merujuk kepada tindakan dalam mereka yang beragama Islam di Malaysia. Oleh itu, penggunaan perkataan “selamat sejahtera” dilihat bersifat umum dalam ucapan rasmi yang bertulis dan lisan juga sebagai sapaan kepada semua orang.

Bagi bahasa Inggeris pula ucapan “selamat sejahtera” yang diungkapkan menggunakan perkataan “hello” tidak bertujuan memihak kepada mana-mana penganut agama mahupun pengaruh gender. Oleh itu, ucapan selamat yang diucapkan sebagai “hello” dalam bahasa Inggeris adalah lebih umum untuk diucapkan kepada semua orang. Malahan, penggunaan perkataan “hello” digunakan secara meluas dalam penggunaan telefon sebagai sapaan yang pertama oleh semua bangsa, agama dan penduduk dunia.

Manakala, bahasa Thai pula menggunakan ucapan “selamat” dalam bahasa yang

menggunakan bentuk aksara dari segi tulisan. Penggunaan perkataan *สวัสดี* (sawàt di:) adalah ucapan untuk “selamat sejahtera”. Walau bagaimanapun, dalam bahasa Thai penggunaan ucapan “selamat sejahtera” mempunyai berbezaan gender bagi penutur lelaki dan perempuan. Hal ini kerana penutur lelaki mengungkapkan perkataan *สวัสดีครับ* (sawàt di: khráp) sebagai “selamat sejahtera” dan perempuan mengungkapkan *สวัสดีค่ะ* (sawàt di: khâ). Oleh yang demikian, penggunaan perkataan *สวัสดี* (sawàt di:) boleh digunakan tanpa mengubah makna perkataan tersebut.

Oleh yang demikian, hasil perbandingan dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Thai menunjukkan berlaku perbezaan dari aspek gender dan budaya. Hal ini menyebabkan, penutur asal berbangsa Melayu yang menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Thai sebagai bahasa kedua dan ketiga perlu berhati-hati dalam mengungkapkan ucapan “selamat sejahtera”. Namun begitu, ucapan dalam “hello” dalam bahasa Inggeris lebih bersifat terbuka berbanding bahasa Melayu yang lebih tertib dengan penggunaan “selamat sejahtera”. Selain itu, penggunaan dalam bahasa Thai perlu menunjukkan gender dalam ungkapan “selamat sejahtera”.

Hasil analisis menunjukkan wujudnya masalah dalam penggunaan ungkapan “selamat sejahtera” dalam bahasa Inggeris dan bahasa Thai. Hal ini kerana, penggunaan “hello” merupakan ungkapan yang umum dalam pelbagai situasi. Manakala bahasa Thai pula penutur perlu menggunakan ucapan berdasarkan gender dan tidak boleh menggunakan ucapan yang digunakan oleh gender lain kerana merupakan kesalahan dalam ucapan.

### Selamat Pagi

Lazimnya, di Malaysia dan Thailand tidak menunjukkan perbezaan yang jauh ketara dalam penggunaan masa. Perbezaan masa di Malaysia dan Thailand adalah selama satu jam, Malaysia lebih awal satu jam di hadapan berbanding negara Thailand. Bagaimanapun, hal ini tidak menunjukkan perbezaan masa yang besar dalam perjalanan urusan seharian.

Ucapan “selamat pagi” lazimnya diungkapkan pada waktu pagi setelah terbitnya matahari. Walaupun, ungkapan “pagi” seharusnya bermula pada pukul 1.00 a.m bagi waktu Malaysia tetapi ucapan “selamat pagi” juga bergantung pada budaya sesebuah masyarakat. Bagaimapun, ucapan “selamat pagi” merupakan permulaan yang baik untuk menunjukkan hubungan sesama manusia yang dikenali dan tidak dikenali sebagai permulaan hari yang baik.

#### JADUAL 2

Ucapan “selamat pagi” dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai.

Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Thai
Selamat pagi	Good morning/ morning	<i>สวัสดี /อรุณสวัสดิ์</i> (sawàt di:/arun sawàt) Norizan Che Su (2009:7)

Oleh yang demikian, Jadual 2 menunjukkan penggunaan “selamat pagi” dalam bahasa Melayu yang bertujuan menunjukkan waktu tersebut adalah waktu pagi. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pagi adalah waktu selepas matahari terbit kira-kira dari pukul enam hingga pukul sepuluh (prpm.dbp.gov.my). Oleh itu, apabila matahari telah

tinggi maka waktu tersebut tidak lagi dikira sebagai waktu pagi jika di Malaysia. Maka ketika itu ucapan “selamat pagi” tidak digunakan lagi.

Seterusnya, bahasa Inggeris pula mempunyai dua ucapan “selamat pagi” untuk menunjukkan keadaan waktu pagi dengan ungkapan “good morning”. Malahan, dalam bahasa Inggeris ucapan “selamat pagi” boleh dipendekkan sebagai tanda kemesraan dengan menggunakan ucapan “morning”. Walaupun, perkataan “good” yang merujuk kepada sesuatu yang baik, bagus dan positif digugurkan tetapi penggunaan perkataan “morning” masih lagi relevan dan boleh digunakan untuk diucapkan kepada seseorang.

Kemudian, dalam bahasa Thai pula masih menggunakan perkataan yang sama seperti “selamat sejahtera, iaitu สวัสดี (sawàt di:) untuk mengucapkan “selamat pagi”. Ucapan ini yang mewakili “selamat pagi” juga mewujudkan pengaruh gender seperti ucapan “selamat sejahtera”. Maka, ungkapan “selamat pagi” dalam bahasa Thai bagi lelaki adalah สวัสดีครับ/อรุณสวัสดิ์ครับ (sawàt di: khráp/arun sawàt khráp) dan perempuan สวัสดีค่ะ/อรุณสวัสดิ์ค่ะ (sawàt di: khráp/arun sawàt khâ). Oleh yang demikian, perbezaan gender antara lelaki dan perempuan masih lagi wujud dalam bahasa Thai antara lelaki dan perempuan. Hal ini kerana, sebutan ครับ (khráp) bagi lelaki dan ค่ะ (khâ) untuk perempuan masih dikekalkan walaupun ucapan “selamat pagi” boleh diungkapkan dalam dua ucapan yang berbeza.

Dapatan daripada hasil analisis data menunjukkan permasalahan kepada penutur yang menggunakan bahasa Melayu *adalah* aspek budaya, gender, pengguguran perkataan dan penggunaan dua ucapan dalam bahasa Thai. Walaupun bahasa Thai masih menggunakan ungkapan yang sama dengan “selamat sejahtera” tetapi penutur bahasa Melayu mengalami masalah jika penutur bahasa Thai menggunakan อรุณสวัสดิ์ครับ (arun sawàt khráp) bagi penutur lelaki dan อรุณสวัสดิ์ค่ะ (arun sawàt khâ) untuk perempuan sebagai “selamat pagi”.

### Selamat Tengah hari

Pada waktu tengah hari atau keadaan matahari telah tinggi (cuaca yang agak panas) maka penggunaan ucapan juga berubah daripada “selamat pagi” kepada “selamat tengah hari”. Lazimnya, waktu tengah hari di Malaysia merupakan waktu makan tengah hari yang merupakan masa untuk mengambil makanan yang berat seperti nasi. Lazimnya, di Malaysia waktu tengah hari ditakrifkan dalam Kamus Pelajar Edisi Kedua bahawa waktu lebih kurang pukul dua belas siang hingga sebelum pukul dua (prpm.dbp.gov.my). Jadual 3 juga menunjukkan penggunaan ucapan “selamat tengah hari” dalam bahasa Inggeris dan bahasa Thai.

JADUAL 3

Ucapan “selamat tengah hari” dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai.

Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Thai
Selamat tengah hari	Good afternoon	สวัสดิ์ (sawàt di:) Norizan Che Su (2009:7)

Kemudian, ungkapan “selamat tengah hari” digunakan untuk menunjukkan waktu yang telah melewati waktu pagi. Oleh yang demikian, dalam bahasa Inggeris ungkapan “selamat tengah hari” diucapkan sebagai “good afternoon”. Walau bagaimanapun,



penggunaan ungkapan “good afternoon” tidak mengalami pengguguran perkataan seperti ungkapan “good morning”. Malahan, penggunaan ungkapan “good afternoon” digunakan secara meluas dalam bahasa Inggeris untuk menyapa orang lain pada waktu tengah hari.

Seterusnya, dalam bahasa Thai pula ucapan “selamat tengah hari” menggunakan perkataan *สวัสดี* (sawàt di:) sebagai ungkapan yang umum kepada semua gender dan lapisan peringkat usia. Walau bagaimanapun, dalam bahasa Thai wujudnya perbezaan gender antara lelaki dan perempuan dalam ucapan “selamat tengah hari”. Penutur lelaki mengungkapkan perkataan *สวัสดีครับ* (sawàt di: khráp) sebagai “selamat tengah hari” dan perempuan mengungkapkan *สวัสดีค่ะ* (sawàt di: khâ). Oleh itu, sebutan *ครับ* (khráp) merujuk kepada lelaki dan *ค่ะ* (khâ) adalah mewakili ucapan daripada perempuan.

Oleh yang demikian, hasil analisis menunjukkan bahawa wujud struktur yang sama dalam ungkapan “selamat tengah hari” bagi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang menggunakan “good afternoon”. Walau bagaimanapun, dalam bahasa Thai tidak wujud ucapan “selamat tengah hari” yang boleh menggunakan dua sebutan seperti “selamat pagi” dalam bahasa Thai. Hal ini menyebabkan penggunaan *สวัสดี* (sawàt di:) digunakan bagi mengucapkan “selamat tengah hari” yang berbeza dengan bahasa Melayu dan Inggeris.

### Selamat Petang

Ucapan “selamat petang” dalam takrif Kamus Dewan Edisi Keempat adalah waktu selepas tengah hari mulai dari matahari turun hingga matahari masuk, sore, lawan pagi: matahari terbit lebih kurang pada pukul 6 pagi dan masuk lebih kurang pada pukul 6 petang (prpm.dbp.gov.my). Lazimnya, pada waktu petang menunjukkan ucapan pada waktu yang sesuai untuk melakukan aktiviti sukan dan riadah secara *outdoor*. Budaya yang diamalkan di Malaysia menunjukkan waktu petang adalah antara waktu terbaik untuk beriadah dengan sukan tertentu seperti aktiviti yang melibatkan padang dan taman permainan. Malahan, penggunaan ucapan “selamat petang” dalam bahasa Melayu diungkapkan secara rasmi dalam sistem ketenteraan di Malaysia.

#### JADUAL 4

Ucapan “selamat petang” dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai.

Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Thai
Selamat petang	Good evening	<i>สวัสดี/ ราตรีสวัสดิ์</i> (sawàt di:/ratri: sawàt) Norizan Che Su (2009:7)

Seterusnya, Jadual 4 merujuk kepada ucapan “selamat petang” yang digunakan dalam bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, ungkapan yang digunakan adalah “good evening” sebagai ucapan sapaan bagi menunjukkan waktu petang. Walau bagaimanapun, penggunaan “good evening” dalam bahasa Inggeris tidak berlaku pengguguran perkataan “good” seperti “good morning”. Selain itu, fungsi penggunaan “good evening” adalah sama dengan fungsi penggunaan “selamat petang” dalam bahasa Melayu. Hal ini kerana, ucapan “good evening” berfungsi menunjukkan waktu sapaan diucapkan kepada orang lain bagi menunjukkan waktu petang.

Kemudian, ucapan “selamat petang” dalam bahasa Thai pula masih mengekalkan

penggunaan yang sama yang digunakan sebagai “selamat sejahtera”. Oleh itu, ucapan “selamat petang” diungkapkan sebagai *สวัสดี* (sawàt di:) yang beerti “selamat sejahtera”. Namun begitu, bahasa Thai masih mengekalkan perbezaan ucapan untuk membezakan gender penutur. Maka, penutur lelaki mengungkapkan *สวัสดีครับ/ราตรีสวัสดิ์ครับ* (sawàt di: khráp/ratri: sawàt khráp) dan perempuan dengan ungkapan *สวัสดีค่ะ/ ราตรีสวัสดิ์ค่ะ* (sawàt di: khâ/ratri: sawàt khâ).

Oleh yang demikian, hasil analisis menunjukkan wujudnya perbezaan yang memerlukan pemahaman yang jelas kepada penutur sesuatu bangsa. Hal ini kerana, bahasa Thai mempunyai dua ungkapan ucapan yang boleh digunakan dan memungkinkan penutur bahasa Melayu dan Inggeris perlu mengetahui dua ungkapan tersebut agar tidak berlaku salah faham ketika komunikasi. Malahan, penutur bahasa Inggeris dan Thai juga perlu memahami ungkapan “selamat petang” di Malaysia diguna pakai dalam sistem ketenteraan bermula petang hingga pagi.

**Selamat Malam**

Waktu malam di Malaysia lazimnya bermula pada pukul 7.00 malam hingga 12.59 tengah malam. Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, malam merujuk kepada hari waktu sesudah matahari terbit, buta malam yang sangat gelap (prpm.dbp.gov.my). Oleh itu, pada waktu malam ucapan “selamat malam” diungkapkan pada seseorang sebagai tanda kemesraan dan sapaan secara rasmi. Malahan, penggunaan “selamat malam” juga digunakan dalam bahasa Melayu yang ditujukan kepada seseorang sebelum tidur yang lazim diguna pakai dalam keluarga dan kawan.

**JADUAL 5**

Ucapan “selamat malam” dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai.

Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Thai
Selamat malam	Good night	<i>สวัสดี</i> (sawàt di:) Norizan Che Su (2009:7)

Jadual 5 menunjukkan penggunaan ucapan “selamat malam” dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Thai. Lazimnya, ungkapan “good night” yang diungkapkan dalam bahasa Inggeris bertujuan menunjukkan keadaan pada ketika itu. Oleh itu, penggunaan “good night” adalah pada waktu malam yang menjadi ucapan yang lazimnya diungkapkan sebelum tidur. Walau bagaimanapun, ucapan “good night” boleh diringkaskan kepada “night” dalam keadaan santai dan tidak rasmi. Selain itu, ucapan “good night” melambangkan ucapan mesra dalam ahli keluarga, sahabat dan orang lain.

Seterusnya, ucapan “selamat malam” dalam bahasa Thai pula masih mengekalkan penggunaan perkataan yang sama seperti ungkapan “selamat sejahtera, iaitu *สวัสดี* (sawàt di:). Oleh itu, ungkapan yang berbeza mengikut gender masih lagi dikekalkan dalam bahasa Thai. Maka, penutur lelaki mengungkapkan “selamat malam” sebagai *สวัสดีครับ* (sawàt di: khráp) dan *สวัสดีค่ะ* (sawàt di: khâ) bagi penutur perempuan. Walau bagaimanapun, dalam bahasa Thai penggunaan *สวัสดี* (sawàt di) boleh digunakan dalam keadaan dan situasi yang berlainan. Hal ini kerana, fungsinya yang bersifat umum dan sopan dalam memulakan perbualan.

Kemudian, hasil analisis bagi ungkapan “selamat malam” menunjukkan bahawa

penutur berbahasa Melayu hanya perlu memahami ungkapan “good night” bagi bahasa Inggeris dan *สวัสดี* (sawàt di:) bagi bahasa Thai. Walau bagaimanapun, kesukaran pemahaman akan berlaku kepada penutur bahasa Inggeris dan Thai dalam sistem ketenteraan di Malaysia yang tidak menggunakan “selamat malam”. Hal ini kerana, penggunaan “selamat malam” merupakan ucapan yang rasmi digunakan dalam sesuatu majlis yang diadakan pada waktu malam di Malaysia.

### Selamat Datang

Ucapan “selamat datang” adalah ucapan kemesraan yang ditujukan kepada tetamu untuk menunjukkan tanda meraikan kedatangan mereka ke sesuatu tempat. Malahan, dalam bahasa Melayu ucapan “selamat datang” menjadi perkataan yang wajib digunakan ketika menerima tetamu daripada luar negara (luar Malaysia). Selain itu, ucapan “selamat datang” lazimnya digunakan oleh penyambut tetamu di pejabat swasta dan kerajaan di Malaysia.

#### JADUAL 6

Ucapan “selamat datang” dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai.

Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Bahasa Thai
Selamat datang	Welcome	<i>ยินดีต้อนรับ</i> (yin dee ton rub) Yazid Emwat (2011:1)

Jadual 6 menunjukkan ucapan “selamat datang” dalam bahasa Inggeris yang menggunakan perkataan *welcome*. Malahan, perkataan “welcome” bukan sahaja digunakan dalam bahasa Inggeris untuk mengucapkan “selamat datang” tetapi digunakan juga untuk mengucapkan “sama-sama”. Oleh yang demikian, ucapan “welcome” dalam bahasa Inggeris dikongsi (pertidihan makna) bersama ucapan balas bagi perkataan “thank you”, iaitu “welcome”.

Manakala, dalam bahasa Thai pula ucapan “selamat datang” diungkapkan sebagai *ยินดีต้อนรับ* (yin dee ton rub). Walaupun, perkataan ini dilihat penggunaannya khusus tetapi perkataan adalah permulaan untuk ucapan mengucapkan “selamat berkenalan” yang dimulakan dengan *ยินดี* (yin dee)...dalam bahasa Thai.

Seterusnya, hasil dapatan kajian mendapati wujudnya pertidihan makna dalam bahasa Inggeris yang perlu diketahui dan difahami oleh penutur berbahasa Melayu dan Thai. Hal ini kerana, penggunaan “welcome” bertujuan mengucapkan “terima kasih kembali” atau sama-sama dalam bahasa Melayu. Namun begitu, dalam bahasa Inggeris penggunaan “welcome” bertujuan mengucapkan “sama-sama” dan “selamat datang”. Manakala, bahasa Thai dan bahasa Melayu mempunyai ungkapan yang tidak berlaku pertidihan makna untuk mengucapkan “selamat datang”.

### Selamat Tinggal

Ungkapan ucapan “selamat tinggal” dalam bahasa Melayu merujuk kepada ucapan perpisahan yang diucapkan kepada seseorang. Lazimnya, ucapan “selamat tinggal” ini diucapkan untuk berpisah atau seseorang perlu pulang ke tempat asalnya. Walau bagaimanapun, ucapan “selamat tinggal” ini adalah ucapan yang berunsurkan kesedihan tetapi masih berupaya menunjukkan kemesraan antara seseorang yang mengenali melalui

ucapan “selamat tinggal”.

**JADUAL 7**

Ucapan “selamat tinggal” dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai.

<b>Bahasa Melayu</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>Bahasa Thai</b>
Selamat tinggal	Good bye/bye	ลาอ่อน/ไปอ่อนนะ (la: k`๖:n/pai k`๖:n ná) Norizan Che Su (2009:8)

Jadual 7 menunjukkan ucapan “selamat tinggal dalam bahasa Inggeris. Dalam bahasa Inggeris ucapan “selamat tinggal” diucapkan dengan ungkapan “good bye”. Bagaimanapun, sebutan “good” boleh digugurkan dan hanya menggunakan perkataan “bye” untuk mengucapkan “selamat tinggal” kepada seseorang dengan tujuan yang sama seperti bahasa Melayu.

Manakala, dalam bahasa Thai pula ucapan “selamat tinggal” diungkapkan sebagai ลาอ่อน (la: k`๖:n) atau ไปอ่อนนะ (pai k`๖:n ná). Terdapat dua perkataan yang boleh digunakan dalam bahasa Thai untuk mengucapkan “selamat tinggal”. Begitu juga dalam bahasa Inggeris yang boleh dipendekkan kepada perkataan “bye” daripada “good bye”.

Oleh yang demikian, penutur berbahasa Melayu perlu memahami budaya barat dengan penggunaan “good bye” yang boleh dipendekkan kepada “bye” tetapi tidak menjejaskan tujuan dan makna perkataan. Bertepatan dengan budaya barat yang lebih bersikap keterbukaan berbanding dengan budaya Melayu dan Thai yang mementingkan adab, kesopanan juga ketertiban dalam percakapan. Selain itu, penutur berbahasa Melayu dan Inggeris perlu memahami penggunaan “selamat tinggal” yang digunakan dalam bahasa Thai kerana mempunyai dua ungkapan berbeza tetapi mempunyai makna sama.

**Selamat Berkenalan**

Ucapan “selamat berkenalan” dalam bahasa Melayu bertujuan untuk memperkenalkan diri kepada orang yang baru dikenali atau menunjukkan pertemuan pertama. Malahan, penggunaan perkataan “selamat berkenalan” juga sesuai digunakan kepada semua agama kerana bersifat umum. Selain itu, penggunaan perkataan “selamat berkenalan” juga tidak sensitif kepada semua lapisan masyarakat.

**JADUAL 8**

Ucapan “selamat berkenalan” dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Thai.

<b>Bahasa Melayu</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>	<b>Bahasa Thai</b>
Selamat berkenalan	Nice to meet you	ยินดีที่ได้รู้จัก (yin di: thî: dâi: ru` : jàk) Norizan (2009:16)

Manakala, dalam bahasa Inggeris pula “selamat berkenalan” disebut sebagai “nice to meet you”. Struktur ayat yang lebih panjang berbanding penggunaan dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai. Malahan, dalam bahasa Inggeris penggunaan perkataan “you” menunjukkan orang yang baru dikenali. Dalam struktur ayat bahasa Inggeris jelas menunjukkan wujudnya perasaan gembira dan meraikan seseorang yang baharu dikenali melalui ucapan “selamat”.

Seterusnya, dalam bahasa Thai pula penggunaan aksara hadapan sama dengan

ucapan “selamat datang” digunakan. Dalam bahasa Thai, ucapan “selamat berkenalan” disebut sebagai ยินดีที่ได้รู้จัก (yin di: thî: dâi: ru’: jàk). Bagaimanapun, tidak terdapat pengaruh gender dalam ucapan “selamat berkenalan” yang bersifat umum dan mesra.

Hasil analisis menunjukkan bahawa penutur bahasa Melayu dan Thai perlu memahami konsep penggunaan ungkapan bagi “selamat berkenalan” dalam bahasa Inggeris. Hal ini kerana, jika terjemahan secara terus ditransliterasi daripada bahasa Melayu akan berlaku perbezaan pemahaman kerana makna. Tambahan lagi, penggunaan “nice to meet you” lazimnya digunakan untuk memberitahu bahawa senang bertemu dan mengenali seseorang. Walau bagaimanapun, penggunaan “nice to meet you” bertujuan menunjukkan kemesraan kepada orang lain yang baharu dikenali dalam bahasa Inggeris. Sedangkan, dalam bahasa Melayu dan Thai ungkapan yang menunjukkan senang dalam sesuatu perkenalan tidak digunakan untuk memulakan sapaan perkenalan pertama. Rentetan itu, budaya barat dan timur perlu difahami oleh penutur agar tidak menimbulkan masalah dalam sebarang komunikasi verbal.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, melalui analisis yang telah dijalankan terdapat perbezaan dan persamaan dari segi pengaruh gender yang digunakan secara meluas dalam bahasa Thai, penggunaan hukum D-M (Diterangkan – Menerangkan) yang digunakan dalam bahasa Thai dan Melayu tetapi tidak digunakan dalam bahasa Inggeris. Seterusnya, ucapan “selamat” dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Thai juga mengalami pertindihan makna, kependekan ayat, penggunaan dalam kerjaya tertentu dan tujuan penggunaannya. Adalah diharapkan kajian yang dijalankan ini dapat menjadi sandaran bagi kajian seterusnya yang melibatkan ucapan “selamat” dan pengaruh sejarah terhadap ucapan sesuatu bahasa tersebut.

Oleh yang demikian, penerapan Teori Analisis Kontrastif diguna pakai dalam kajian ini. Hal ini kerana, struktur ungkapan dan penggunaan dianalisis melalui penggunaan dari aspek makna penyampaian ungkapan tersebut. Seterusnya, ungkapan ucapan “selamat” dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Thai dibandingkan dari spek tujuan, masa dan penggunaan. Kemudian, hasil dapatan menunjukkan permasalahan yang berlaku kepada penutur bahasa lain yang perlu memahami budaya dan sebab penggunaan sesuatu ungkapan “selamat”.

## RUJUKAN

- Hazlina Abdul Halim, Normaliza Abdul Rahim dan Roslina Mamat. (2015). *Penggunaan Perkataan Semua Tujuan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis: Satu Perbandingan*. Mahawangsa 2 (1): 1-14 (2015). Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Chong Peng Hwa, Toh Ling Ling dan Maisarah Binti Noorezam. 2016. Kajian Perbandingan Sebutan Suku Kata Bahasa Mandarin dan Bahasa Melayu dalam Sistem Fonetik. <https://www.researchgate.net/publication/308798786>.
- Lado, R. (1957). *Linguistic Across Cultures, Applied Linguistic for Language Teachers*: University of Michigan.
- Mariyati Haji Mohd Noret, al. (2015). *Analisis Konstrastif Pembentukan Kata Adjektif Bahasa Melayu dan Bahasa Sepanyol*. EDUCATUM- Journal of Social Science ISSN 2289-9391/Vol 1/2015/1-13.
- Mohammad Baihaqi Hasni dan Farah Hanan Aminallah. 2017. Analisis Kontrastif dalam Penggunaan Gender (المؤنث المذكر) antara Bahasa Arab dan Melayu dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan di Universiti Malaysia Pahang. *Journal of Global Business and Social*

Entrepreneurship (GBSE) Vol. 1: no.1 (2017) page 100–109. gbse.com.my . eISSN 24621714.

Mohammad Fadzeli Jaafar *et. al.* (2015). *Bahasa Sempadan Malaysia-Thailand: Pengekalan VS Peralihan Bahasa*. ISSN: 2180-4842. Vol.5, Bil. 1 (Mei 2015): 1-9. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (*Malay Language Education Journal – MyLEJ*).

Siti Noridayu Abd. Nasir. 2018. *Peranan Wanita Patani dan Kelantan dalam Ekonomi dan Bahasa*. Prosiding Seminar Antarabangsa Sejarah dan Budaya Kelantan – Patani. 6-7 Oktober 2019/ 26-27 Muharram 1440H. Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra Panji, Kota Bharu, Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norizan Che Su. (2009). *Bahasa Thai Untuk Komunikasi*. Seri Kembangan: Citra Kurnia Enterprise.

Yazid Emwat. (2011). *Perbualan Bahasa Thai Cepat dan Mudah*. *Golden's Language Series*. Petaling Jaya: Golden Book Centre SDN. BHD.

#### **LAMAN SESAWANG**

prpm.dbp.gov.my